

Newspaper : **Utusan Borneo**Date : **4 October 2013**Title : **Pusat komersial 8 Avenue sedia ruang berkonsep SOVO**

Bina Puri Holdings Bhd

(207184-X)

Section : **Business**Page : **B12**

Pusat komersial 8 Avenue sedia ruang berkonsep Sovo

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
 utusanborneokk@yahoo.com.my

KOTA KINABALU: Selain menawarkan konsep terbaru 'Small Office Versatile Office' (Sovo), pelancaran pusat komersial 8 Avenue menyediakan ruang sebanyak 259 unit kepada para pelanggan di negeri ini.

8 Avenue adalah projek usahasama antara Bina Puri Properties Sdn Bhd (BPPSB) yang juga anak syarikat Bina Puri Holdings Bhd (BPHB) dengan syarikat Kensington Development Sdn Bhd (KDSE).

Pengerusi BPPSB, Tan Sri James Foong berkata konsep Sovo yang diperkenalkan untuk projek berkenaan adalah yang pertama seumpamanya di Kota Kinabalu.

Katanya, ia menyediakan kawasan kolam renang di bahagian bumbung bangunan.

"Sempena dengan pelancaran 8 Avenue, pelanggan terawal berpeluang menikmati tawaran rebat sebanyak lima peratus disertakan bekalan perabot untuk setiap unit yang dibeli.

"Bertepatan dengan permintaan pasaran hartanah yang semakin meningkat di Kota Kinabalu, 8 Avenue dilihat mampu memberi tawaran yang menepati permintaan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran 8 Avenue yang disempurnakan oleh Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Daruk Abidin Madingkir di sini kelmarin.

James berkata konsep Sovo bertujuan menarik minat pelanggan terutamanya usahawan tempatan dan golongan muda yang tinggal di bandaraya.



ABIDIN (tiga kanan) mendengar penerangan mengenai projek 8 Avenue semasa melawat bilik pameran.

Konsep berkenaan juga katanya, menepati minat mereka yang gemarkan kepelbagaian ruang serta selesa bekerja dalam suasana yang tenang.

"Bangunan 13 tingkat 8 Avenue merangkumi 55 unit

lot komersial termasuklah 14 unit dua tingkat (duplex komersial) dan 41 unit komersial satu tingkat dan 259 unit ruang Sovo.

"Lokasinya yang strategik dihadapan laluan Jalan Tuaran Bypass akan menjadikannya

kawasan hab perniagaan yang berkembang pesat di bandaraya ini.

"Antara kemudahan yang terdapat di sini termasuklah kolam renang, bilik gym, sauna, ruang BBQ, bilik yoga/ zumba, pusat perniagaan,



JAMES (dua kiri) menyampaikan cenderahati kepada **Abidin** (tengah) sambil diperhatikan oleh tetamu jemputan lain.

bilik mesyuarat, kawalan keselamatan 24 jam, kamera litar tertutup (CCTV), kad akses penghuni dan kawasan parkir," katanya.

Beliau berkata projek usahama itu juga akan menyumbang pendapatan secara positif untuk hartanah kumpulan berkenaan.

Menurutnya, menerusi Nilai Pembangunan Kasar (GDV) 8 Avenue sebanyak RM157.7 juta, ia akan menambahkan lagi GDV bagi projek BPPSB kepada RM2.64 bilion.

Sementara itu, Abidin berkata penglibatan lebih banyak syarikat maju

hartanah dalam perancangan projek pembangunan di negeri ini menambahkan lagi kerancakan perkembangan sektor hartanah khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu.

Katanya, analisis hartanah menunjukkan Kota Kinabalu sebagai kawasan tumpuan utama dalam sektor pembangunan hartanah.

"Saya yakin dengan pengalaman luas pihak Bina Puri dalam industri pembinaan dan pembangunan hartanah serta disokong dengan pemaju tempatan, Kensington, projek ini mampu berjaya," katanya.

From : Group Corporate Communication Department

Date : 8 October 2013

Subject : Bina Puri News Update